

28 SEP 1998

Sanusi-Pelajar

PELAJAR DIGESA TUMPUKAN PADA PELAJARAN

SINTOK, 28 Sept (Bernama) - Setiap pelajar haruslah menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana ibu bapa mereka amat mengharapkan kejayaan setelah bersusah payah dari segi wang, masa dan tenaga.

``Adalah sesuatu yang menggembirakan jika ibu bapa melihat anak-anak mereka berjaya menamatkan pelajaran dengan jayanya di sesebuah institusi pengajian tinggi,'' kata Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah khas bertajuk Mahasiswa Sebagai Penggerak Reformasi Diri dan Isu-Isu Semasa di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok di sini, malam tadi.

Sanusi berkata setiap pelajar haruslah dapat menimbang dengan baik sesuatu perkara dengan mengambil kira risikonya sebelum mengambil tindakan untuk melakukannya.

``Nasihat saya...janganlah terikut-ikut dengan gerakan reformasi yang dianjurkan oleh penyokong Anwar. Dan jangan mudah terpedaya dengan kata-kata semangat yang cuba dibakar oleh pihak tertentu untuk bangkit menentang kerajaan tanpa mengetahui apa-apa pun,'' katanya.

Beliau berkata pelajar di UUM seharusnya mengambil iktibar dari penggantungan enam rakan mereka kerana terlibat dalam mengedar poster bagi pihak pembangkang dalam pilihanraya Arau dulu.

``Tugas anda semua adalah pada pelajaran dan jangan cuba melibatkan diri dengan sebarang agenda politik kerana ia boleh dilakukan apabila tamat pengajian nanti tanpa ada sesiapa yang akan menghalang,'' katanya.

Sementara itu, Sanusi berkata dosa seseorang itu bukannya hanya ditentukan oleh mahkamah sebaliknya setiap manusia berhak mengatakan individu tertentu berdosa jika ternyata beliau melakukan kesalahan.

Kenyataan beliau itu timbul apabila seorang pelajar bangun mengajukan soalan dengan mempertikaikan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lalu yang mengatakan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berdosa sedangkan mahkamah belum membuktikan kesalahannya.

``Jika semua kesalahan hendak dibawa ke mahkamah untuk dibuktikan dosanya, bayangkan apa akan terjadi jika seseorang itu mengacau isteri kita di hadapan mata kita sendiri...adakah kita tidak berhak mengatakan pengacau itu berdosa,'' katanya.

Beliau berkata selepas pengacau itu melakukan tindakan demikian ke atas isteri kita, adakah kita hanya berdiam diri kerana kesalahannya belum dibuktikan di mahkamah sebagai satu dosa.

Sanusi berkata kenyataan Perdana Menteri itu adalah tepat memandangkan kesalahan yang dilakukan oleh Anwar sehingga menyebabkan beliau disingkir dari UMNO dan ditambah lagi dengan tindakan penyokongnya yang bertindak liar dengan membaling batu ke Masjid Negara serta mengejek pihak polis.

``Kita boleh mengatakan seseorang itu berdosa andainya kita meyakini beliau melakukan kesalahan...dalam kes ini Perdana Menteri yakin bahawa bekas timbalannya telah melakukan kesalahan berdasarkan bukti yang ada,'' katanya.

Beliau berkata setiap manusia tidak boleh lari dari melakukan dosa dan kesalahan kerana bukanlah terdiri dari golongan nabi dan rasul yang `maksum' iaitu tidak pernah melakukan dosa.

-- BERNAMA

MAN WAT